

Bil. 25

Khamis

25 Oktober 2018



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

KANDUNGAN

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Masalah Status Warganegara Ditukar Kepada MyKAS
Atas Sebab Sijil Kelahiran Asal Ditarik Balik
dan di Bawah Siasatan**
- *YB. Tuan Chan Ming Kai (Alor Setar)* [Halaman 1]
- **Stesen KTM Batu Anam**
- *YB. Dato' Seri Dr. Santhara (Segamat)* [Halaman 4]

**MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA
Khamis, 25 Oktober 2018**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)
mempengerusikan Mesyuarat]*

**UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Masalah Status Warganegara Ditukar Kepada MyKAS Atas Sebab Sijil Kelahiran Asal
Ditarik Balik dan di Bawah Siasatan**

2.35 ptg.

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya ingin menarik perhatian pihak kementerian beberapa kes yang berkenaan dengan tajuk di atas.

Terdapat kes di mana penduduk yang berasal di Kedah dan lahir pada zaman 80-an, sijil lahir dikeluarkan dari balai polis dan telah daftar sebagai warganegara atas kelayakan di mana ibu bapa merupakan warganegara. Warga tersebut juga turut mendapat kad pengenalan biru sebagai warganegara Malaysia.

Akan tetapi, sijil lahir tersebut kemudian ditarik balik oleh pihak JPN dan kad pengenalan biru warganegara juga turut ditukar kepada kad pengenalan sementara (hijau) iaitu MyKAS. Ia menimbulkan banyak masalah kerana mereka ini telah berumur melebihi 21 tahun dan tidak layak untuk memohon warganegara di bawah Perkara 15A. Pada masa yang sama, mereka juga tidak layak untuk memohon sebagai pemastautin tetap (IC merah) apatah lagi pasport mana-mana negara.

Dua contoh kes yang dikesani di Alor Setar iaitu:

(i) Chew Yan Chen (861025-02-5410)

Tarikh luput : 08 November 2018

Sijil lahir asal : G941841

(ii) Yeap Chuan Yin (891010-02-6151)

Tarikh luput : 08 Mac 2020

Sijil lahir asal : CG 37553

Maka, saya ingin bertanya, apakah punca bagi kes-kes sebegini yang menyebabkan kad pengenalan biru ditarik balik dan apa tindakan yang telah diambil berkenaan tentang perkara ini.

Diminta pihak kementerian memberi penjelasan dan juga apa penyelesaian yang dicadangkan untuk mengatasi masalah ini selain daripada hanya memperbaharui MyKAS tersebut. Sekian, terima kasih.

2.36 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Alor Setar. Tuan Yang di-Pertua, apabila timbul keraguan kepada seseorang individu yang didaftarkan dengan maklumat palsu, siasatan akan dibuat ke atas daftar tersebut. Jika didapati bahawa maklumat pendaftaran adalah tidak sah, maka Sijil Lahir individu berkenaan akan dipinda di bawah seksyen 27(3), Akta Pendaftaran dan Kelahiran 1957 (Akta 299).

Berhubung dengan kes yang dibangkitkan, kementerian ini mengambil maklum bahawa penama, Chew Yan Chen telah didaftarkan nombor kad pengenalan: 861025-02-5410 dan disiasat atas aduan Sijil Kelahiran yang mengandungi maklumat palsu. Hasil siasatan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) mendapati Sijil Kelahiran penama (No. G941841) didaftarkan dengan maklumat ibu dan bapa palsu dan perkara tersebut diakui oleh orang yang mengaku sebagai ibu dan bapa penama bahawa penama bukanlah anak kandung mereka dan diambil melalui orang tengah.

Justeru itu, Jabatan Pendaftaran Negara telah meminda Sijil Kelahiran penama dengan status bukan warganegara dengan maklumat ibu dan bapa tidak diperolehi. Manakala berhubung kes Yeap Chuan Yin, telah didaftarkan atas nombor kad pengenalan: 891010-02-6151 yang mana semakan ke atas rekod Jabatan Pendaftaran Negara mendapati, kelahiran penama didaftarkan di Balai Polis Alor Setar, Kedah dan bertaraf bukan warganegara dengan maklumat ibu dan bapa tidak diperolehi.

Dalam hal ini, kedua-dua penama bertaraf bukan warganegara dan hanya layak dikeluarkan kad pengenalan pemastautin sementara (MyKAS).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengeluaran kad pengenalan pemastautin sementara (MyKAS) adalah berdasarkan dua perkara iaitu:

- (i) Sijil Kelahiran dengan taraf belum ditentukan; dan
- (ii) ibu bapa tidak mempunyai dokumen pengenalan diri atau nombor dokumen pengenalan diri ibu bapa tidak merujuk kepada kad pengenalan atau passport.

Pengeluaran MyKAS tidak memberi taraf warganegara Malaysia kepada pemegangnya sebaliknya hanya memberi taraf pemastautin sementara sehingga taraf kewarganegaraannya dapat ditentukan atau diberikan taraf pemastautin tetap sekiranya layak.

Permohonan MyKAS boleh dibuat setelah pemilik Sijil Kelahiran mencapai usia 12 tahun dan kad MyKAS membolehkan mereka menetap di negara ini melebihi 12 bulan dengan tempoh sah laku kad MyKAS selama lima tahun dan kad tersebut boleh diperbaharui setelah tamat tempoh. Ingin ditegaskan bahawa tidak semua individu yang dilahirkan di Malaysia akan dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia secara automatik kerana taraf kewarganegaraan seseorang individu adalah tertakluk kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa individu berkenaan sewaktu kelahiran, selaras dengan peruntukan dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan.

■1440

Bagi mereka yang tidak mempunyai hak tuntutan kewarganegaraan iaitu yang bertaraf bukan warganegara, mereka boleh mengemukakan permohonan untuk memperoleh kewarganegaraan Malaysia sama ada melalui pendaftaran atau penaturalisasian, jika telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan.

Pematuhan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh undang-undang adalah amat penting bagi memastikan kewarganegaraan dianugerahkan kepada individu yang berkecukupan, berkualiti, dapat memberikan sumbangan signifikan kepada negara serta menumpahkan taat setia kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, tanpa mengabaikan kepentingan nasional serta keselamatan dan kesejahteraan warganegara sedia ada. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Stesen KTM Batu Anam

2.41 ptg.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Soalan dari Segamat untuk Kementerian Pengangkutan, Yang Berhormat Bandar Tun Razak, kakanda saya. Tuan Yang di-Pertua, dengan ekonomi negara yang semakin pesat, perkembangan kemudahan infrastruktur perlu lebih dititikberatkan. Kemudahan infrastruktur yang baik mampu memberikan impak yang positif bukan hanya membantu merangsang pertumbuhan ekonomi negara, malah dapat memperbaiki mobiliti rakyat untuk menggerakkan ekonomi setempat.

Sehubungan dengan itu, perkara yang ingin disentuh adalah berhubung dengan projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas-Johor Bahru yang kini giat diusahakan oleh KTMB. Projek ini adalah kerjasama di antara Kementerian Pengangkutan Malaysia dan juga KTMB. Ini adalah usaha yang baik kerana dapat mengurangkan tempoh perjalanan dari satu tempat ke tempat yang lain dan juga membantu merangsang pertumbuhan ekonomi bandar dan sektor pelancongan. Namun, diminta pihak kementerian memberi penjelasan kenapa Stesen KTM Batu Anam, Segamat tidak termasuk dalam projek ini. Stesen KTM Batu Anam ini sudah ditutup untuk sekian lama dan sebab penutupannya tidak diketahui.

Setelah kaji selidik dijalankan di kawasan sekitar Batu Anam, Segamat, didapati bahawa ketiadaan perkhidmatan tren di Batu Anam ini memberi impak kepada penduduk di kawasan itu. Penduduk-penduduk sekitar merasai beban kewangan kerana terpaksa menggunakan pengangkutan alternatif seperti teksi untuk ke Pekan Segamat yang terletak 25 kilometer jauh dari Batu Anam. Kos perjalanan satu hala ke Pekan Segamat boleh mencecah sebanyak RM25 yang merupakan kos yang tinggi dan amat membebankan penduduk di kawasan Batu Anam. Maka, apakah sebab penutupan Stesen KTM Batu Anam.

Ketiadaan Stesen KTMB di Batu Anam adalah tidak adil kepada penduduk luar bandar, khususnya warga bumiputera dari FELDA (Palong Timur) dan hampir 18 buah kampung (dari Balai Badang hingga persekitaran Paya Lang). Masyarakat yang terpinggir ini sengaja ditinggalkan oleh Kerajaan BN-MIC mahupun Kerajaan BN-MCA yang tidak peka kepada keperluan warga luar bandar. Malah, ketiadaan ataupun cadangan '*foot-print*' seperti di Labis dan membuktikan bahawa Kementerian Pengangkutan kerajaan terdahulu adalah sangat tidak adil.

Bagaimana pula dengan Kerajaan Pakatan Harapan. Adakah hak-hak masyarakat Melayu khususnya 65 peratus pengundi di DUN Buloh Kasap adalah orang Melayu,

masyarakat India dari Taman Desa India dan masyarakat Cina dari pekan Batu Anam akan terus dinafikan. Adakah Kerajaan PH akan membantu untuk mengembalikan hak asasi rakyat.

Dengan adanya cadangan untuk menambahbaikkan perkhidmatan tren ini kepada tren elektrik, kemungkinan besar kos tiket dari Batu Anam ke pekan Segamat akan berada dalam lingkungan RM5 hingga RM10 sahaja. Ini adalah jumlah yang sangat kurang berbanding dengan kos menaiki teksi dan dapat meningkatkan mobiliti masyarakat Batu Anam.

Terdapat 20 kawasan perumahan kos rendah dan sederhana di Batu Anam, Segamat selain dari tujuh buah sekolah. Penduduk di Batu Anam juga semakin bertambah dengan adanya PULAPOL Segamat dan Kolej Komuniti Segamat dan akan terus meningkat dengan pembukaan Kem Tentera Segamat dan Sekolah Menengah Sains Mara Segamat menjelang 2019. Adalah diharapkan bahawa pihak kementerian akan mempertimbangkan untuk mengembalikan operasi Stesen KTM Batu Anam, Segamat. Sekian, terima kasih.

2.45 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Santhara, Ahli Parlimen Segamat yang saya yakin dan saya perhatikan senantiasa memperjuangkan kepentingan-kepentingan rakyat khususnya daripada kawasan Parlimen yang beliau mewakili yang merupakan suatu petanda yang baik kepada parti Pakatan Harapan dalam pilihan raya umum yang akan datang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas Johor Bahru (PLBEGJB) melibatkan skop kerja-kerja reka bentuk dan pembinaan berikut:

- (i) 192 kilometer landasan kereta api berkembar (termasuk *landviaduct*), dengan izin;
- (ii) 11 stesen-stesen baru dan 1 depoh kereta api;
- (iii) 3 tapak pembangunan stesen masa hadapan, dengan izin *new future station footprint*;
- (iv) jejambat jalan raya, jambatan sungai, jejantas pejalan kaki dan motosikal;
- (v) sistem perparitan dan pembedung; dan
- (vi) sistem elektrifikasi 25kV, persembayanan, *passenger information system* (PIS), sistem kawalan keselamatan dan sistem komunikasi serta kawalan terus dari pusat kawalan dan pengurusan tren (TCCC) di KL Sentral, Kuala Lumpur dan Stesen Gemas.

Stesen-stesen baru penumpang yang akan dibina adalah di Bandar Segamat, Labis, Bekok, Paloh, Bandar Kluang, Rengam, Layang-Layang, Kulai dan Kempas Baru tidak termasuk Batu Anam. Tiga tapak pembangunan stesen masa hadapan (*future station's footprint*) adalah Tenang, Chamek dan Senai.

Stesen operasi dibina di Genuang dan Mengkibol bagi menguruskan operasi tren dan perkhidmatan barang. Skop projek ini telah melalui sesi pengoptimuman skop Makmal Pengurusan Nilai yang diuruskan oleh EPU pada 19 Januari 2011 dan 6 Januari 2016. Skop yang diluluskan di dalam Makmal Pengurusan Nilai tersebut adalah keperluan asas dan minimum operasi kereta api yang benar-benar perlu (*must have*), dengan izin.

Berdasarkan rekod operasi KTMB yang sedia ada, Stesen Batu Anam yang asal adalah lokasi titik perselisihan antara tren naik iaitu daripada Johor Bahru ke utara dan tren turun iaitu daripada utara ke Johor Bahru, di atas landasan tunggal sedia ada. Ketika tren berhenti seketika untuk perselisihan tersebut, tiada penumpang yang naik dan turun di stesen Batu Anam ini.

Pemilihan lokasi untuk membangunkan stesen di dalam skop PLBEGJB adalah berdasarkan takupan, dengan izin, *ridership* penumpang berdasarkan pembangunan perbandaran kawasan setempat, perkhidmatan tren yang akan ditawarkan dan lokasi stesen yang bersesuaian.

Stesen-stesen baru iaitu sembilan buah stesen penumpang yang akan dibina di dalam skop projek ini adalah merupakan stesen yang dikenali oleh KTMB berdasarkan cadangan operasi perkhidmatan tren antara bandar dan perkhidmatan tren *shuttle* sedia ada dan yang akan datang.

Dengan mengambil kira perkara-perkara di atas, kementerian telah menetapkan bahawa tiada stesen KTMB baru diadakan di dalam skop PLBEGJB ini. Dengan turut mengambilkira dasar fiskal kewangan kerajaan yang ketat, permohonan Yang Berhormat Segamat tersebut tidak dapat dipertimbangkan di dalam skop PLBEGJB pada masa sekarang.

Namun demikian, perkara ini akan direkodkan dan dipertimbangkan di dalam perancangan pembangunan infrastruktur keretapi dan pengeoperasian perkhidmatan tren yang akan datang mengambil kira perkembangan takupan penumpang dan pembangunan perbandaran sekitar Batu Anam. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Isnin, 29 Oktober 2018.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.50 petang]